

HUKUM PUASA SUNAT HARI JUMAAT & SABTU

Abu Omar Idris bin Sulaiman

HADIS-HADIS TENTANG PUASA PADA HARI JUMAAT:

Hadis Pertama:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا تَخْتَصُوا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ بِقِيَامٍ مِنْ بَيْنِ اللَّيَالِي وَلَا تَخْتَصُوا يَوْمَ الْجُمُعَةِ بِصِيَامٍ مِنْ بَيْنِ الْأَيَّامِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ فِي صَوْمٍ يَصُومُهُ أَحَدُكُمْ "

Daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu* bahawasanya Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* berkata, "Jangan kamu khaskan malam Jumaat dengan solat yang berbeza daripada malam-malam yang lain dan jangan kamu khaskan hari Jumaat dengan puasa yang berbeza daripada hari-hari yang lain kecuali jika sekiranya ia jatuh pada hari yang seseorang kamu berpuasa padanya." (Riwayat Muslim)

Hadis Kedua:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا يَصُومَنَّ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلَّا أَنْ يَصُومَ يَوْمًا قَبْلَهُ أَوْ يَوْمًا بَعْدَهُ "

Daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu* bahawasanya Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda, "Janganlah seseorang kamu berpuasa pada hari Jumaat kecuali dengan berpuasa sehari sebelum atau sehari selepasnya." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis Ketiga:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ابْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَى جُوَيْرِيَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ وَهِيَ صَائِمَةٌ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَقَالَ لَهَا: "أَصُمْتِ أَمْسِ؟" فَقَالَتْ: لَا . قَالَ: "أَتُرِيدِينَ أَنْ تَصُومِي عَدَا؟" قَالَتْ: لَا . قَالَ: "فَأَطْرِي إِذْنٌ "

Daripada Abdullah bin Amru *radhiallahu anhu* bahawasanya **Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*** pergi ke rumah Juwairiyah binti al-Harith dan mendapati bahawa dia berpuasa pada hari Jumaat. Maka Baginda bertanya, “Adakah engkau berpuasa semalam?” Jawabnya: tidak. Baginda bertanya lagi, “Adakah engkau mahu berpuasa esok?” Jawabnya: tidak. Baginda pun berkata, “Kalau begitu berbukalah.”
(*Riwayat Bukhari*)

Kesimpulan tentang puasa hari Jumaat:

Dapat disimpulkan bahawa berpuasa pada hari Jumaat adalah **dilarang kecuali**:

1. Dengan berpuasa sehari sebelumnya (Khamis); atau,
2. Sekiranya ia menepati adat kebiasaan puasa seseorang itu; atau dengan kata lain, kerana bersebab (seperti puasa Enam Syawal atau puasa-puasa sunat yang lain) dan bukan kerana hari Jumaat semata-mata. Adapun mengkhususkan hari Jumaat untuk berpuasa, maka hal tersebut dilarang.

HADIS-HADIS TENTANG PUASA PADA HARI SABTU:

Hadis Keempat:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُسْرِ عَنْ أُخْتِهِ الصَّمَاءِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا تَصُومُوا يَوْمَ السَّبْتِ إِلَّا فِيمَا افْتُرِضَ عَلَيْكُمْ فَإِنْ لَمْ يَجِدْ أَحَدُكُمْ إِلَّا لِحَاءٍ عِنَبَةٍ أَوْ عُودَ شَجَرَةٍ فَلْيَمْضُغْهُ "

Daripada Abdullah bin Busr daripada kakaknya al-Samma' *radhiallahu anha* bahawasanya *Rasulullah sallallahu alaihi wasallam* bersabda: **"Jangan kamu berpuasa pada hari Sabtu kecuali dalam apa yang difardukan atas kamu, dan jika sekiranya seseorang kamu hanya mempunyai kerak anggur atau tangkai pokok maka hendaklah ia mengunyahnya."** (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan al-Darimi. Imam al-Tirmizi menghasankannya manakala Syeikh al-Albani mensahihkannya dalam *Irwa' al-Ghalil* hadis no. 960)

Hadis Kelima:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ يَوْمَ السَّبْتِ وَيَوْمَ الْأَحَدِ أَكْثَرَ مَا يَصُومُ مِنَ الْأَيَّامِ وَيَقُولُ " إِهْمَا يَوْمَا عِيدِ الْمُشْرِكِينَ فَأَنَا أَحِبُّ أَنْ أُحَالَفَهُمْ " .

Daripada Umm Salamah *radhiallahu anha* bahawasanya *Rasulullah sallallahu alaihi wasallam* berpuasa pada hari Sabtu dan Ahad lebih daripada hari-hari yang lain dan Baginda berkata, **"Kedua-duanya adalah hari raya orang-orang Musyrikin, maka saya suka menyelisih mereka."** (Riwayat Ahmad dan didaifkan oleh Syeikh al-Albani dalam *Silsilah Dha'ifah* hadis no. 1099).

PERBINCANGAN TENTANG HUKUM BERPUASA PADA HARI SABTU

Terdapat perbezaan pendapat ulama tentangnya. Ada yang mengatakan:

Pendapat Pertama: Hukumnya harus, sama seperti puasa hari Selasa dan Rabu. (*Pendapat Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah r.h.*);

Pendapat Kedua: Hukumnya harus tetapi dengan syarat ia tidak dilakukan secara *ifrad* (bersendirian; iaitu berpuasa pada hari Sabtu sahaja) dan hendaklah dengan berpuasa sehari sebelum (Jumaat) atau sehari selepasnya (Ahad);

Pendapat Ketiga: Ia dilarang kecuali dalam puasa fardu (iaitu puasa di bulan Ramadan, qada' puasa Ramadan dan puasa nazar).

Syeikh al-Albani r.h. dalam kitabnya 'Tamam al-Minnah' menyimpulkan bahawa hadis larangan berpuasa pada hari Sabtu adalah sahih. Walaupun ada ulama yang mendaifkannya, tetapi jalan-jalan riwayatnya saling menguatkan antara satu sama lain sehingga menaik tarafnya menjadi sahih tanpa syak.

Adapun alasan bahawa berpuasa pada hari Sabtu hanya dilarang sekiranya ia dilakukan secara *ifrad* bersendirian; iaitu berpuasa pada hari Sabtu sahaja, Syeikh al-Albani r.h. melihat bahawa alasan ini tertolak dengan sabda Baginda ﷺ:

لا تَصُومُوا يَوْمَ السَّبْتِ إِلَّا فِيْمَا افْتَرَضَ عَلَيْكُمْ فَإِنْ لَمْ يَجِدْ أَحَدُكُمْ إِلَّا حَاءَ عِنَبَةٍ أَوْ عُوْدَ شَجْرَةٍ فَلْيَمْضُغْهُ

“Jangan kamu berpuasa pada hari Sabtu kecuali dalam apa yang telah difardukan atas kamu, dan sekiranya seseorang kamu hanya mempunyai kulit anggur atau ranting pokok maka hendaklah dia mengunyahnya.”

Sahih. Riwayat Imam Ahmad.

Seperti mana yang dijelaskan oleh Imam Ibnu al-Qayyim r.h. dalam kitab 'Tahziib as-Sunan', larangan berpuasa pada hari Sabtu meliputi semua jenis puasa sunat pada hari Sabtu; tidak kira sama ada puasa sunat itu dilakukan pada hari Sabtu sahaja atau ia dilakukan dengan disertai dengan berpuasa sehari sebelum atau selepasnya.

Kalau benar apa yang dilarang adalah puasa pada hari Sabtu secara *ifrad* sahaja, pasti Nabi ﷺ telah menyatakan: Jangan berpuasa pada hari Sabtu kecuali dengan berpuasa sehari sebelum atau sehari selepasnya.

Walau bagaimanapun, bagi menghimpunkan antara hadis larangan berpuasa pada hari Sabtu dengan hadis-hadis lain yang zahirnya mengharuskannya, Imam Ibnu al-Qayyim r.h. menyimpulkan bahawa apa yang dilarang adalah berpuasa pada hari Sabtu secara *ifrad*. Dalam hal ini, Syeikh al-Albani r.h. melihat bahawa kesimpulan ini tidak mungkin kerana:

1. Ia jelas menyalahi hadis larangan berpuasa pada hari Sabtu yang hanya memberi pengecualian kepada puasa fardu; dan

2. Terdapat cara yang lain yang boleh digunakan bagi menghimpunkan hadis-hadis ini iaitu dengan menggunakan kaedah-kaedah Usul Fikah yang telah digariskan oleh para ulama. Antaranya:

- i. Sekiranya dalil larangan bertembung dengan dalil yang mengharuskan maka dalil larangan perlu didahulukan;
- ii. Sekiranya satu dalil kata-kata Rasulullah ﷺ bertembung dengan dalil perbuatan Baginda maka dalil kata-kata Baginda perlu didahulukan.

Berdasarkan dua kaedah Usul Fikah ini, hadis larangan berpuasa pada hari Sabtu perlu didahulukan kerana ia merupakan hadis yang berbentuk larangan berbanding beberapa hadis lain yang berbentuk pengharusan.

Begitu juga dengan hadis perbuatan Baginda ﷺ yang banyak berpuasa pada hari Sabtu dan Ahad, sekiranya hadisnya sahih maka hadis kata-kata Baginda yang melarang berpuasa pada hari Sabtu perlu didahulukan berdasarkan kaedah dalil kata-kata perlu didahulukan atas dalil perbuatan Baginda ﷺ.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang dijelaskan oleh Syeikh al-Albani r.h., hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah ﷺ banyak berpuasa pada hari Sabtu dan Ahad adalah daif (lemah).

KESIMPULAN TENTANG PUASA HARI SABTU

Puasa sunat pada hari Sabtu adalah dilarang tidak kira sama ada ia dilakukan secara *ifrad* (bersendirian; iaitu berpuasa pada hari Sabtu sahaja) mahupun dengan berpuasa sehari sebelum atau selepasnya.

Ia tetap dilarang walaupun hari Sabtu itu jatuh pada Hari Arafah (9 Zulhijjah) atau Asyura' (10 Muharram) atau dengan tujuan berpuasa Enam Syawal kerana jelas puasa-puasa ini sunat dan bukan puasa fardu.

Hal ini sama dengan larangan berpuasa pada hari Isnin dan Khamis sekiranya Hari Raya jatuh pada salah satu hari tersebut.

Ini berdasarkan Hadis Abu Hurairah *radhiallahu anhu*: "Bahawasanya Baginda ﷺ melarang berpuasa pada dua hari iaitu; Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha" (*Riwayat Bukhari dan Muslim*).

Alasan untuk berpuasa pada Hari Raya kerana hari tersebut Isnin atau Khamis adalah tertolak. Ini kerana hadis larangan berpuasa pada Hari Raya didahulukan atas anjuran berpuasa pada hari Isnin dan Khamis.

Maka demikian juga dengan berpuasa sunat pada hari Sabtu; ia dilarang. Adapun alasan bahawa ia adalah untuk puasa Enam Syawal atau puasa-puasa sunat yang lain adalah tertolak. Ini kerana Nabi ﷺ hanya mengharuskan puasa hari Sabtu sekiranya ia adalah puasa wajib.

Barakallahu fikum.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

7 Zulhijjah 1432H / 3 November 2011
(Diedit pada 8 Syawal 1438H / 3 Julai 2017)

idrissulaiman@yahoo.com
www.ustazidrissulaiman.wordpress.com
www.facebook.com/idrissulaiman